

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(7)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 07 TAHUN 2014**

---

**Tarikh : 27 Ogos 2014 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.15 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong                                     | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | "                       |
| 5.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 6.  | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen                 | - | "                       |
| 7.  | Encik Sufari bin Tinnin                                   | - | "                       |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming                                     | - | "                       |
| 9.  | Puan Azizan binti Jamaludin                               | - | "                       |
| 10. | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 11. | Puan Sazana binti Isa                                     | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Loka Ng Sai Kai                    | - | " |
| 13. | Encik Michael Noel Jalleh                | - | " |
| 14. | Encik Yap Kok Weng                       | - | " |
| 15. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 16. | Ir. Izham bin Hashim                     | - | " |
| 17. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 18. | Puan Rozaina binti Hamzih                | - | " |
| 19. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 20. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |
| 21. | Puan Norzaihan binti Ismail              | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | Ahli Majlis |
|----|---|---|-------------|

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC
16. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Puan Satinah binti Safirol  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
19. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Encik Ahmad bin Hasan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
24. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
25. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
26. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
27. Encik Samzol bin Saat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat

28. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
29. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
30. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
31. Encik Rostam bin Salleh  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
32. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
33. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
34. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
35. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
38. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
39. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan Korporat
40. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
44. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
45. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
46. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
48. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
49. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
50. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
51. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
52. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Dayana binti Omar  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Encik Ahmad Fairuz bin Fadzil  
Ahli Muzik Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## 1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## 2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 07/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### 2.1 PROGRAM MPSJ SEMPERNA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN MALAYSIA YANG KE-57

Bersempena Hari Kemerdekaan Malaysia yang Ke-57, Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah merangka 2 program utama iaitu;

- i. Kempen Kibar Jalur Gemilang
- ii. Program Kayuhan Merdeka IOI – MPSJ 2014

#### 2.1.1 KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

Kempen Kibar Jalur Gemilang MPSJ 2014 bermula pada 20 Ogos 2014 (Rabu) hingga 16 September 2014 (Selasa).

Penyertaan terbuka kepada seluruh warga Malaysia yang tinggal di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Hadiah-hadiah pertandingan bernilai sehingga RM20,000.00 telah ditawarkan kepada para pemenang.



### **2.1.2 PROGRAM KAYUHAN MERDEKA IOI – MPSJ 2014**

Program Kayuhan Merdeka IOI – MPSJ 2014 ini merupakan penganjuran bersama MPSJ dan pihak IOI Properties.

Program ini telah diadakan pada 23 Ogos 2014 (Sabtu) bermula jam 7.30 pagi bertempat di The Cube, Jalan Puteri 1/2, Bandar Puteri, Puchong, Selangor.

Program ini terbahagi kepada 2 kategori dan melibatkan jarak kayuhan yang berbeza iaitu:

- Kategori Keluarga – 6 km
- Kategori Umum / “Fun Ride” – 15 km

Terdapat pelbagai aktiviti menarik telah disediakan kepada pengunjung seperti cabutan bertuah, gerai pameran jualan barangan basikal dan banyak lagi.

## **2.2 MAJLIS APRESIASI KEJAYAAN MPSJ SPB-PBT 2013**

MPSJ akan menganjurkan Majlis Apresiasi Kejayaan MPSJ SPB-PBT 2013 sempena penarafan MPSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan Bertaraf 5 Bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2013. Majlis ini akan diadakan pada 29 Ogos 2014 (Jumaat), jam 3.30 petang bertempat di Grand Ballroom, One City Garden Boulevard, USJ 25, Subang Jaya.

Seramai 1000 orang Pegawai dan Warga Kerja MPSJ akan menghadiri majlis ini. Pihak Majlis turut mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Majlis MPSJ untuk bersama-sama memeriahkan program ini.

**2.3 MAJLIS SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-57 PERINGKAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 2014**

Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-57 Peringkat Negeri Selangor tahun 2014 akan diadakan pada 30 Ogos 2014 (Sabtu), bermula pada jam 9.00 malam, bertempat di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis turut menghantar kontinjen bagi menyertai acara Perbarisan dan Perarakan Kemerdekaan.

Bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan ini juga, satu Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat akan diadakan pada 29 Ogos 2014 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri), Shah Alam. Majlis ini turut dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**2.4 LAWATAN PANEL PENILAI PEMERIKSAAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TAHUN 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima lawatan daripada Panel Penilai Pemeriksaan Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Tahun 2014 pada 29 Ogos 2014 (Jumaat), jam 9.00 pagi bertempat di Mini Library, MPSJ.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memeriksa projek KIK MPSJ yang akan dipertandingkan dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2014. MPSJ akan diwakili oleh dua projek KIK seperti berikut:

- i. *Pengurusan Sampah Pasar Malam Yang Tidak Sistematis* oleh Kumpulan Elite
- ii. *Kerja-Kerja Penilaian Cukai Taksiran Mengambil Tempoh Masa Yang Lama* oleh Kumpulan Swift

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan MPSJ dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberi kejayaan kepada MPSJ.

## **2.5 PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA – RAKAN REKREASI ‘WATER RAFTING’ DI SUNGAI KAMPAR, PERAK**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Program Pembangunan Belia – Rakan Rekreasi ‘Water Rafting’ pada 12 - 14 September 2014 (Jumaat – Ahad) bertempat di Sungai Kampar, Perak Darul Ridzuan.

Diantara aktiviti yang akan diadakan ialah;

- i. Water Confident
- ii. Water Rafting
- iii. Flying Fox
- iv. Waterfall Abseiling
- v. Caving
- vi. Night Walk
- vii. Paintball

Penyertaan terbuka kepada peserta yang berumur diantara 13 – 35 tahun dan terhad kepada 40 orang peserta sahaja.

## **2.6 HARI KOMUNITI BANDAR HIJAU MPSJ DAN LARIAN HIJAU SJ 10KM MPSJ 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya bakal menganjurkan **Hari Komuniti Bandar Hijau** yang akan diadakan pada 27-28 September 2014 (Sabtu-Ahad) bertempat di One City Garden Boulevard West, USJ 25, Subang Jaya.

Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ ini diadakan bertujuan untuk menarik orang ramai terutama yang tinggal di dalam kawasan pentadbiran MPSJ untuk bersama-sama memberi idea dan maklumbalas bagi menambah baik mutu perkhidmatan MPSJ pada masa akan datang.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada orang ramai seperti gerai jualan, pertandingan melukis dan mewarna, pameran barangan rumah, buku Karang kraf, kereta *Hybrid*, pertandingan muzik & bunyi-bunyian kitar semula, *treasure hunt* dan lain-lain.

Acara Funrides - kayuhan basikal akan diadakan pada 27 September 2014 sejauh 16KM bermula pada jam 8.00 pagi.

Larian Hijau SJ 10KM pula akan diadakan pada hari kedua Hari Komuniti Bandar Hijau MPSJ iaitu pada 28 September 2014 bermula pukul 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari.

## **2.7 KEJOHANAN BOLA JARING TERBUKA MPSJ 2014**

Kejohanan Bola Jaring Terbuka MPSJ 2014 ini merupakan kali kedua ianya dianjurkan. Adalah menjadi harapan MPSJ bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya demi menyokong usaha untuk mempertingkatkan pencapaian sukan Bola Jaring di Malaysia. Kejohanan Bola Jaring Terbuka MPSJ 2014 ini akan diadakan pada 27 – 28 September 2014 (Sabtu & Ahad), pada jam 9.00 pagi - 10.00 malam bertempat di Kompleks Sukan MPSJ, Subang Jaya.

Penganjuran kejohanan sukan ini dilihat dapat membantu melahirkan dan mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan Bola Jaring terutama di kalangan golongan remaja dan belia wanita untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga secara tidak langsung dapat menyediakan ruang dan peluang kepada pemain-pemain untuk memperolehi pengalaman serta pendedahan yang sepenuhnya dalam sukan Bola Jaring.

Kategori Pertandingan dan Yuran Penyertaan;

- i. Kategori Bawah 18 Tahun (RM 50.00/pasukan)
- ii. Kategori Terbuka (RM 150.00/pasukan)

## **2.8 PERTANDINGAN LANDSKAP MPSJ 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Pertandingan Landskap MPSJ 2014. Pertandingan ini melibatkan dua kategori penyertaan iaitu Kategori Rumah Kediaman dan Kategori Premis. Syarat utama pertandingan ialah, lokasi landskap mestilah berada dalam kawasan pentadbiran MPSJ. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 31 Oktober 2014.

Pertandingan Landskap MPSJ pada tahun 2014 akan menggunakan saluran media sosial sebagai medan perhubungan dan interaksi kerana ia lebih cepat, ringkas dan popular. Penggunaan kaedah ini adalah lebih praktikal kerana;

- i. dapat menarik perhatian ramai melalui interaksi media sosial tanpa rencana (unscripted social interaction)
- ii. mengurangkan kos pengurusan pertandingan

Kategori pertandingan adalah seperti berikut:

- a) Rumah Teres Lot Tepi
- b) Rumah Teres Lot Tengah
- c) Rumah Banglo

- d) Rumah Tradisional (buatan menggunakan bahan kayu)
- e) Rumah Pangsa Kos Rendah
- f) Rumah Pangsa Kos Sederhana
- g) Rumah Pangsa Kos Tinggi
- h) Hotel
- i) Pusat Membeli Belah
- j) Tadika/Taska
- k) Kilang/Industri
- l) Pejabat Kerajaan

## **2.9 PROGRAM-PROGRAM JKP**

Adalah dimaklumkan bahawa semua urusan berkaitan program-program JKP hendaklah dikemukakan terus ke Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSJ bagi tujuan penyelarasan dan penyusunan jadual program.

Perkara ini perlu diselaraskan bagi mengelakkan pertindihan jadual program di antara JKP selain memudahkan urusan penyediaan kemudahan logistik yang diperlukan.

Sehubungan itu, setiap JKP perlu mengemukakan permohonan awal bagi setiap program dan aktiviti yang akan dijalankan oleh pihak JKP.

Sehubungan itu, pihak Majlis berhak untuk menolak permohonan yang lewat dikemukakan dan sebarang kesulitan berhubung kelewatan permohonan tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak JKP itu sendiri.

## **2.10 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 33 (iaitu sehingga 16 Ogos 2014) adalah sebanyak 5204 kes dilaporkan dan sebanyak 4848 kes disahkan positif.

Terdapat empat belas (14) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

- i. USJ 11/4, Subang Jaya  
- 25 Kes
- ii. Taman Lestari Perdana (Pangsapuri Seri Indah)  
- 20 Kes
- iii. Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan 5)  
- 18 Kes
- iv. Bandar Kinrara 2  
- 16 Kes
- v. Taman Serdang Perdana Seksyen 3 (East Lake Residence)  
- 16 Kes
- vi. Taman Pinggiran Putra (Vista Pinggiran)  
- 13 Kes
- vii. Bandar Kinrara 6 (Pangsapuri Enggang)  
- 9 Kes
- viii. Taman Puchong Indah  
- 8 Kes
- ix. Taman Sungai Besi Indah 3  
- 8 Kes
- x. SS 14/6, Subang Jaya  
- 7 Kes
- xi. SS 17/1, Subang Jaya  
- 7 Kes
- xii. Taman Lestari Putra 7  
- 6 Kes
- xiii. Bandar Puchong Jaya  
- 5 Kes
- xiv. Bandar Bukit Puchong 2  
- 5 Kes

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

#### Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari, setiap masa, di mana jua”.

### **2.11 KAUNTER PANDU LALU MPSJ**

Bagi mempertingkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan MPSJ, pihak Majlis telah menaiktaraf Kaunter Pandu Lalu (Drive-Thru) MPSJ yang terletak di pintu keluar utama Bangunan Ibu Pejabat MPSJ. Kaunter yang baru ini menyediakan kemudahan Kaunter Pembayaran Pandulalu, Kaunter Penguatkuasa yang menguruskan kompaun trafik dan kunci saman dan juga Bilik 24 Jam untuk pembayaran menggunakan kemudahan mesin Kiosk.

Kaunter ini mula beroperasi pada 19 Mei 2014 dan memberi kemudahan kepada pengguna untuk membuat urusan pembayaran tanpa perlu naik ke pejabat Majlis dan boleh membuat bayaran selepas waktu bekerja dengan menggunakan kemudahan mesin Kiosk.



Waktu Operasi Kaunter Pandu Lalu dan Pengurusan Kompaun Trafik Penguatkuasa ialah:

Hari	Masa Operasi
Isnin – Khamis	9.00 pagi – 4.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 petang – 4.00 petang
Hari Minggu / Cuti Umum	Tutup

Kaedah pembayaran apabila berurusan di kaunter ini dan mesin kiosk ialah secara tunai, kad kredit atau cek.

## **2.12 LAPORAN PEMBERIAN PENGURANGAN CAJ BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PEMILIK HARTA TANAH DI KALANGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) YANG MEMILIKI HARTA TANAH DI DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 11/2013 bertarikh 20 Mac 2013 kertas EXCO-MTES No. 10/11/2013 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 12/2013 bertarikh 25 Mac 2013 telah bersetuju serta meluluskan pengurangan caj bayaran Cukai Taksiran sebanyak 50% kepada pemilik harta tanah (rumah kediaman sahaja) di kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Berikut merupakan statistik jumlah pengurangan Cukai Taksiran di kalangan OKU yang telah diluluskan oleh MPSJ:-

<b>TAHUN</b>	<b>2013</b>	<b>2014 (sehingga 19 Ogos 2014)</b>
<b>JUMLAH KELULUSAN</b>	<b>28</b>	<b>51</b>

### **2.13 PERUNTUKAN MARRIS 2014 BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN JALAN MPSJ**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima peruntukan MARRIS sebanyak RM 30 juta bagi tahun 2014. Sehubungan itu, sebanyak 44 projek penyelenggaraan jalan akan dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan tersebut yang merangkumi semua zon di kawasan MPSJ.

Projek penyelenggaraan jalan ini akan bermula pada 02 September 2014 dan dijangka berakhir pada 27 Januari 2015. Tempoh masa penyiapan untuk keseluruhan projek penyelenggaraan jalan ini adalah selama 140 hari.

Skop kerja adalah melibatkan kerja-kerja “milling dan resurfacing” untuk jalan-jalan utama dan kerja-kerja “resurfacing” untuk jalan-jalan dalaman. Jumlah pembekalan bahan jalan adalah sebanyak 100, 000 tan.

Kerja-kerja penyelenggaraan untuk projek jalan-jalan utama akan dilakukan pada waktu malam bermula pukul 11.00 malam hingga 6.00 pagi, manakala bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan dalaman akan bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

## **2.14 PEROLEHAN KENDERAAN-KENDERAAN BERAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA UNTUK TAHUN 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menguruskan perolehan sebanyak 7 unit kenderaan berat bagi memperkasakan lagi perkhidmatan dan pengurusan alam sekitar di kawasan pentadbiran MPSJ.

Pembelian kenderaan berat ini melibatkan:-

- Seunit Lori Vacuum berkapasiti 10 meter cubic;
- Seunit Lori Tangki High Pressure Jetter 5000 liter;
- Seunit Lori Tangki Air 8000 liter;
- Seunit Lori Compactor berkapasiti 10 meter cubic; dan
- 3 unit Lori Roro.

Penggunaan kenderaan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi mengurus dan melaksanakan aktiviti-aktiviti utama di Jabatan seperti:-

- Pengurusan Sampah
- Pemeliharaan Landskap, dan
- Pengurusan Sistem Saliran

Sehubungan itu, dengan sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perasmian Penyerahan Kenderaan Jabatan MPSJ 2014 akan diadakan pada 27 Ogos 2014 (Rabu) pada pukul 12.00 tengah hari sebaik sahaja selepas tamat Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya pada hari ini.

### 3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 06/2014 BERTARIKH 22 JULAI 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 06/2014 bertarikh 22 Julai 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

### 4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

#### 4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2014 Bertarikh 06 Ogos 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### 4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2014 Bertarikh 20 Ogos 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.2 m.s 6 & 7	En. Chia Yew Ken	Syarikat Perumahan Guthrie Sdn. Bhd.	Beliau meminta supaya pihak urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC menetapkan tarikh

				<p>untuk mengadakan satu taklimat berkaitan cadangan pembangunan ini serta pembentangan laporan kajian TIA kepada Ahli Jawatankuasa Mesyuarat OSC, Ahli Majlis dan ADUN kawasan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya Jabatan Perancang Bandar menguruskan perkara ini dengan kadar segera.</p>
2	para 3.5 m.s 9 & 10	En. Pooi Weng Keong	Projek Muara Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon maklumbalas daripada pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 13/2014 mengenai keputusan mesyuarat berhubung perkara ini sama ada 'Tangguh' atau 'Lulus Dengan Syarat'.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju untuk mengekalkan keputusan 'Tangguh' seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 13/2014.</p>

				Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta supaya perkara ini dibawa semula untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai perkara-perkara yang berbangkit berhubung permohonan kebenaran merancang ini.
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 06/2014 Bertarikh 04 Ogos 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

#### 4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 06/2014 Bertarikh 11 Ogos 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.3.3 m.s 12	Pn. Rozaina binti Hamzih	Isu Pembinaan Kilang Di Jalan Seluang, Bukit Lanchong	<p>Beliau memohon penjelasan berhubung status tanah bagi tapak pembinaan kilang di Jalan Seluang, Bukit Lanchong.</p> <p>Beliau turut memohon supaya pihak Majlis membuat pemantauan terhadap lori-lori besar dan lori kontena yang sering memasuki kawasan tersebut dan telah menyebabkan kerosakan jalan di kawasan tersebut.</p> <p>Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengenalpasti jalan kritikal yang sering dimasuki oleh lori besar dan keperluan untuk meletakkan palang penghalang kenderaan berat.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta supaya Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Kejuruteraan untuk membuat pemeriksaan dan pemantauan susulan terhadap isu ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut bidang kuasa Jabatan.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Michael Noel Jalleh	Penubuhan Jawatankuasa Khas Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) Di Majlis Perbandaran Subang Jaya.	<p>Beliau meminta supaya diminitkan senarai keahlian penubuhan Ahli Jawatankuasa Khas Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya perkara ini diminitkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar.</p>

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**



#### 4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 06/2014 Bertarikh 12 Ogos 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.5.5 m.s 14	En. Tai Cheng Heng	Proses Kerja (SOP) Bagi Kerja-Kerja Penurapan Jalan Dan Penyelenggaraan Jalan Di Majlis Perbandaran Subang Jaya	Beliau memohon supaya Jabatan Kejuruteraan mengadakan satu taklimat berhubung proses kerja 'SOP' bagi kerja-kerja penurapan jalan dan penyelenggaraan jalan di Majlis Perbandaran Subang Jaya.  <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mendapatkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan taklimat tersebut bagi memberi penerangan kepada Ahli Majlis berhubung perkara ini.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa sesi taklimat tersebut akan diadakan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan  
Bil. 06/2014 Bertarikh 12 Ogos 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

#### 4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 06/2014 Bertarikh 13 Ogos 2014

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

#### 4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 06/2014 Bertarikh 13 Ogos 2014

---

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.12 m.s 14	En. Pooi Weng Keong	Cadangan Penetapan Syarat-Syarat Dan Terma-Terma Perjanjian Perkhidmatan Penyelenggaraan Di Antara Majlis Perbandaran Subang Jaya Dan One City Properties Sdn. Bhd. Untuk 'Garden Boulevard Walk', Taman Bandar Awam Serta Jalan Dalaman Dan Perparitan Di Pembangunan	Beliau memohon supaya pihak Majlis meneliti dan mengkaji semula syarat-syarat dan terma-terma perjanjian perkhidmatan penyelenggaraan di antara Majlis Perbandaran Subang Jaya dan One City Properties Sdn. Bhd. bagi pembangunan di kawasan ini.  Beliau turut mencadangkan

			<p>Pusat Perdagangan 'One City' Di Jalan Harmoni, USJ 25, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.</p>	<p>agar diadakan satu taklimat khas berhubung perkara ini bagi memberi penerangan yang lebih jelas kepada semua Ahli Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta untuk mendapatkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan taklimat tersebut bagi memberi penerangan kepada Ahli Majlis berhubung perkara ini.</p> <p>Sehubungan itu, Dato' Yang Dipertua meminta supaya semua cadangan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui mengenai perkara ini perlu dibentangkan di dalam satu Mesyuarat Khas yang akan diadakan sebelum sebarang keputusan dibuat oleh pihak Majlis berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

#### 4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 06/2014 Bertarikh 14 Ogos 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	En. Pooi Weng Keong	Cadangan Pelan Setara Bagi Sekatan Dalam (Partition) Dan Pecahan Dinding Pemisah (Partywall) Untuk Bangunan Rumah Kedai/Kedai Pejabat Dan Kilang Teres Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan dan syarat-syarat berhubung cadangan pelan setara bagi sekatan dalam (partition) dan pecahan dinding pemisah (partywall) untuk bangunan rumah kedai/kedai pejabat dan kilang teres di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p> <p>Beliau turut mencadangkan supaya perkara ini dibawa dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang untuk tujuan pengesahan mesyuarat sebelum ianya diluluskan dan dikuatkuasakan.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya perkara ini di bawa dan dibentangkan semula ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang bagi membincangkan mengenai perkara-perkara berbangkit berhubung perkara ini sebelum sebarang keputusan selanjutnya dibuat oleh pihak Majlis berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

## **5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima** Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

## **6.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**6.1** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

**'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**